

Pilih jawapan Simpulan Bahasa yang sesuai bagi ayat di bawah.

mandi peluh	tanda mata	tulang belakang	zaman atom	gila pangkat
-------------	------------	-----------------	------------	--------------

1. Amanda merupakan _____ keluarganya kerana dialah merupakan punca kekuatan bagi mereka untuk terus hidup.
2. _____ merupakan zaman yang menggunakan teknologi serba canggih berbeza dengan zaman nenek moyang kita dahulu.
3. Tuan Sadiq memang _____ kerana dia sanggup melakukan apa saja termasuk rasuah demi mendapat pengaruh dan kuasa.
4. Sabrina dan rakan-rakan memberikan _____ sebagai kenang-kenangan kepada guru kelas mereka yang hendak bersara.
5. Rosli _____ mengusahakan ladang padi peninggalan neneknya di kampung mereka, setiap petang dia akan turun ke ladang dan bersungguh-sungguh menuai hasilnya.

Padankan Simpulan Bahasa tersebut dengan maksudnya yang betul.

Zaman Atom

Bekerja
bersungguh-
sungguh

Tulang belakang

Hadiah/Pemberian

Gila pangkat

Zaman moden

Mandi peluh

Punca kekuatan

Tanda mata

Terlalu
mementingkan
atau mengejar
pangkat